

## **IBS (2011 – 2013):**

### **Borneo Post:**

#### **Komponen IBS untuk projek perumahan**

December 2, 2011, Friday Agnes Tugong

Sistem atasi masalah industri binaan kerana lebih komprehensif, jimat: Abang Johari



RASMI: Abang Johari (kiri) melakukan simbolik perasmian Kilang IBS, Globalgap Prefab di Kuching, semalam. Turut kelihatan (dari kanan), Dr Abdul Rahman, Wahap dan Ikhwan. — Gambar Chimon Upon

KUCHING: Kerja-kerja pembinaan projek perumahan di bawah kerajaan akan dilaksana menggunakan komponen Industrial Building System (IBS). Menteri Perumahan, Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, sistem ini bukan sahaja lebih komprehensif, malah lebih menjimatkan dari segi kos dan masa. Katanya, sistem ini juga dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul dalam industri pembinaan pada masa kini. "Kaedah lazim yang digunakan dalam kerja-kerja pembinaan dilihat banyak mendatangkan masalah mereka yang terlibat sama ada pemaju, pembeli maupun masyarakat. "Meskipun kaedah ini murah, tetapi kos penyelenggaraan yang terpaksa ditanggung adalah tinggi. "Selain itu kemasukan pekerja asing turut mengundang kepada masalah sosial yang semakin membimbangkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas perasmian Kilang IBS, Globalgap Prefab di tapak projek Institut Aminuddin Baki, Jalan Sultan Tengah di sini semalam. Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai Dr Abdul Rahman Junaidi, Penggerusi Globalgap Prefab Ikhwan Zaidel dan Datuk Bandar DBKU Datuk Abang Wahap Abang Julai. Mengulas mengenai projek Institut Aminuddin Baki, ia merupakan yang pertama menggunakan teknologi IBS melibatkan kos RM140 juta.

Projek ini melibatkan pembinaan 19 buah bangunan utama merangkumi blok pentadbiran dan latihan serta lain-lain yang akan digunakan untuk menjayakan institusi ini. Projek ini telah dimulakan sejak 2010 dan dijadualkan siap pada 25 Ogos 2012. Antara lain, syarikat yang menggunakan

teknologi IBS ini juga bakal melebarkan lagi penggunaan IBS untuk beberapa projek pada masa terdekat ini antaranya Sibu Jaya, perumahan kos rendah dan Blok Bujang Army Care di Miri.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/12/02/komponen-ibs-untuk-projek-perumahan/#ixzz3nxohIDKr>

## Pemaju harus mengaplikasikan IBS

April 24, 2012, Tuesday Agnes Tugong



**PENGHARGAAN:** Abang Johari (dua kanan) menyampaikan cenderamata sebagai tanda penghargaan kepada salah seorang penceramah seminar IBS di Kuching semalam. Turut kelihatan Dr Abdul Rahman (tiga kanan).

Peluang untuk disenarai bagi projek dana persekutuan adalah tipis

**KUCHING:** Peluang untuk syarikat pemaju disenaraikan bagi projek dana persekutuan adalah tipis jika mereka tidak mengaplikasikan teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS). Perkara ini ditegaskan oleh Menteri Perumahan Datuk Abang Johari Tun Abang Openg kepada peserta-peserta Seminar Pelaksanaan IBS di salah sebuah hotel terkemuka di sini semalam. Menurutnya, semua projek daripada dana persekutuan akan menggunakan teknologi IBS dan jika pemaju tidak mengetahui akan teknologi ini mereka berkemungkinan tidak akan disenaraikan.

“Saya yakin sektor pembinaan menggunakan teknologi IBS akan meningkat daripada pelbagai aspek termasuk permintaan terhadap kilang IBS serta pembinaan asrama-asrama pekerja. “Justeru, semua pemaju termasuk daripada kalangan kontraktor kelas F, perlu mengetahui teknologi ini dan pada masa yang sama melatih pekerja agar mahir dengan penggunaan IBS,” katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Pelaksanaan IBS anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Daya Builders Sdn Bhd.

Turut hadir Pengerusi Daya Builders Sdn Bhd Dr Abdul Rahman Junaidi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai. Tambah Abang Johari, teknologi IBS merupakan kaedah baharu dalam pembinaan rumah dan bangunan di negara ini. Katanya, dalam melonjakkan negara ke arah status berpendapatan tinggi menjelang 2020, ia berkehendakan kepakaran yang harus diaplikasikan. "Jadi ini merupakan masa yang tepat untuk penggiat industri ini mengenali teknologi IBS bagi mengelak pembaziran serta penggunaan bahan binaan yang lebih cekap," ujarnya.

Kaedah baharu ini juga menurut Abang Johari disokong penuh oleh kerajaan pusat termasuk dalam pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR). Bercakap mengenai seminar itu, ia disertai 140 peserta terdiri daripada kontraktor, wakil syarikat pemaju dan penggiat industri pembinaan. Sebanyak enam kertas kerja dibentangkan pada seminar itu iaitu 'Pelan Tindakan Pelaksanaan IBS Kebangsaan', 'Pendaftaran Syarikat Pengeluar IBS', 'Penilaian Kandungan IBS', 'Pengalaman Kontraktor Dalam Pembinaan IBS', 'Pengalaman Pengilang Dalam Komponen IBS' serta 'RMR dan 1Prima'.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/04/24/pemaju-harus-mengaplikasikan-ibs/#ixzz3nxr3ZUUE>

## **Kontraktor binaan harus miliki pengalaman bidang IBS: Dr Rauf**

July 30, 2012, Monday

KUCHING: Kontraktor-kontraktor binaan negeri ini harus memiliki pengalaman luas dalam bidang Sistem Binaan Berindustri (IBS) bagi meningkatkan mutu kerja mereka. Pengerusi Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Sarawak (HDC) Datuk Dr Abang Abdul Rauf Abang Zen berkata dengan memiliki pengalaman dan kepakaran dalam bidang itu (IBS) kontraktor akan lebih efektif.

Katanya dalam era teknologi sekarang, penggunaan IBS akan diperlukan bagi meningkatkan kualiti bangunan dan juga pencapaian terbaik pihak kontraktor. "Saya difahamkan bahawa IBS amat signifikan dalam bidang pembinaan bangunan, justeru saya berharap para kontraktor memiliki pengalaman terbaik dalam bidang itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan penutupan Kursus Latihan Kemahiran Installer IBS anjuran Majlis Amanah Rakyat (MARA) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) di sini, baru-baru ini. Kursus tiga hari itu dikendalikan oleh dua syarikat kontraktor tempatan, Swakkom Enterprise Sdn Bhd dan ABB Trading Sdn Bhd.

Hadir sama Pengerusi Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS) Cawangan Samarahan Ismawi Muhammad, Pengarah Urusan Swakkom Enterprise Sdn Bhd Abang Ideris Abang Jemali dan Pengarah Urusan ABB Trading Sdn Bhd Adenan Bukra. Lebih 50 kontraktor tempatan dari Kuching, Samarahan, Miri, Lawas dan Limbang menyertai seminar itu.

Dr Abang Rauf berkata penggunaan kaedah IBS amat diperlukan untuk pembinaan bangunan-bangunan di pusat komersil dan kawasan perumahan. "Ini akan memberi keyakinan tinggi kepada orang ramai (pengguna) mengenai struktur dan kualiti bangunan terbabit," katanya. Beliau menarik perhatian bahawa penggunaan kaedah IBS di kawasan komersil dapat membantu para kontraktor binaan mempromosi mutu kerja mereka. "Saya cukup bangga dengan penglibatan para kontraktor

Bumiputera dalam bidang pembinaan bangunan dan berharap mereka dapat mempertingkat kualiti binaan masing-masing," katanya.

Dr Abang Rauf memberitahu bahawa HDC dan kerajaan juga telah banyak menyediakan peluang untuk projek pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR). Justeru katanya, adalah diharapkan para kontraktor yang memiliki pengalaman dalam bidang IBS merebut peluang-peluang projek terbabit. "Saya yakin dengan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman bidang IBS dapat membantu kontraktor Bumiputera meningkatkan keupayaan mereka," katanya.

Dengan itu tambahnya, mereka (kontraktor) juga dapat menyumbang sesuatu yang amat bermakna dalam pembangunan negara sejajar dengan usaha mencapai status negara maju. Dr Abang Rauf menyarankan agar para kontraktor Bumiputera terbabit yang memiliki lesen Kelas F dapat mendaftar diri dengan HDC dan Suruhanjaya Perumahan Negara Berhad (SPNB). "Saya berharap para kontraktor kita mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi serta dapat melaksanakan pelbagai projek yang disediakan kerajaan," katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/07/30/kontraktor-binaan-harus-miliki-pengalaman-bidang-ibs-dr-rauf/#ixzz3nxrC4Ebe>

## Sistem IBS pastikan RMR berkualiti

June 17, 2012, Sunday Wan Ali Amit

Projek perumahan guna kaedah binaan terbaharu tepati cita rasa rakyat

KUCHING: Para kontraktor yang terlibat dalam pembinaan projek-projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) perlu menggunakan kaedah Sistem Binaan Berindustri (IBS) bagi memastikan rumah itu berkualiti.

Pengerusi Daya Perumahan, Dr Abdul Rahman Junaidi berkata kaedah IBS sangat penting untuk memastikan segala projek perumahan dapat menepati kehendak rakyat. "Bagi memastikan projek pembinaan RMR dapat dilaksanakan dengan berkualiti tinggi, saya berharap para kontraktor binaan menggunakan kaedah IBS," katanya berucap merasmikan penutupan seminar IBS peringkat negeri di sini baru-baru ini.

Dr Abdul Rahman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Damai berkata kerajaan telah meluluskan membina sebanyak 1,000 buah RMR pada tahun ini. Beliau menambah jumlah itu perlu disiapkan sebelum penghujung tahun ini, justeru membolehkan rakyat yang memerlukan rumah terbabit memilikinya. "Saya percaya dengan penggunaan kaedah IBS segala projek perumahan RMR dapat dilaksanakan dengan berkesan," katanya.

Seminar IBS tiga hari itu dianjurkan oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) dan difasilitorkan Swakkom Enterprise Sdn Bhd dan ABB Trading Sdn Bhd.

Hadir sama pada majlis itu ialah Pengarah Urusan Swakkom Enterprise Sdn Bhd, Abang Ideris Abang Jemali dan Pengarah Urusan ABB Trading Sdn Bhd, Adenan Bukra. Dr Abdul Rahman menjelaskan bahawa seminar itu telah memberikan pendedahan dan ilmu kemahiran terbaik bagi para kontraktor

menggunakan kaedah IBS. Beliau menarik perhatian dengan menggunakan kaedah IBS terbabit para kontraktor Bumiputera negeri ini terutamanya mereka yang memiliki Kelas F dapat bersaing di peringkat lebih tinggi.

“Saya yakin dengan memiliki pengetahuan dalam bidang IBS, para kontraktor kita mampu berdaya saing tinggi dan mampu melaksanakan pelbagai projek perumahan yang disediakan kerajaan,” katanya. Lebih 50 kontraktor tempatan termasuk dari Lawas, Limbang dan seluruh negeri menyertai seminar itu.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/06/17/sistem-ibs-pastikan-rmr-berkualiti/#ixzz3nxrGg0ir>

## **Abg Johari tinjau teknologi IBS dalam pembinaan RMR di Melaka**

May 31, 2012, Thursday

KUCHING: Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg meninjau penggunaan teknologi sistem bangunan perindustrian (IBS) yang digunakan untuk melaksanakan program Rumah Mesra Rakyat (RMR) oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) semasa lawatannya ke Ayer Keroh, Melaka semalam.

Abang Johari dan delegasi menyertai program dua hari di Melaka atas jemputan Penggerusi SPNB Datuk Wira Idris Harun yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu untuk melihat reka bentuk baharu RMR yang dilaksanakan di negeri tersebut.

SPNB telah memperkenalkan 18 reka bentuk baharu RMR menggunakan pelbagai jenis IBS seperti panel ringan (K-block, wood wool cement boards, concrewall dan ConcrePanels), bata dan blok saling bercantum, bata ringan saling bercantum IBS, blok konkrit ringan, unit simen konkrit, panel dinding konkrit, panel konkrit terolah IBS, panel din-ding konkrit kosong, sistem blok konkrit ringan, konkrit terolah ringan dan sistem panel dinding konkrit kosong.

Pembinaan rumah RMR di Melaka yang menggunakan teknologi IBS terbukti lebih menjimatkan, mesra alam, mengurangkan tempoh pembinaan, sistematik dan kemas selain menggunakan tenaga kerja yang kecil.

Semasa lawantan tersebut Abang Johari berkata, Sarawak ingin meninjau kemungkinan untuk menggunakan teknologi IBS bagi RMR tetapi kerajaan perlu meneliti sistem yang sesuai bagi memastikan pembinaan menjimatkan kos dengan mengambil kira faktor geo-grafi di negeri ini.

Sementara itu di Melaka, Abang Johari turut melakukan kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam di kediamannya di Seri Bendahara, Ayer Keroh.

Selain perbincangan mengenai pembangunan perumahan, kedua-dua pihak juga bersetuju untuk meneroka kemungkinan bagi program pelancongan bersama di antara Qing Ming Yunnan, Melaka dan Sarawak, khususnya dengan menjelaki pelayaran bersejarah Ang Cheng Ho.

Pada 2011, Melaka mencatat kema-sukan 12.2 juta pelancong, dengan jumlah tertinggi dari China (650,000) diikuti Singapura, Indonesia, Taiwan dan Hong Kong.

Selepas kunjungan hormat, Abang Johari dan delegasi mendengar taklimat mengenai sektor perumahan dan pelancongan di Melaka yang dipengerusikan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Datuk Md Yunus Husin dan dibantu oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Datuk Wira Abdul Latif Tamby Chik dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Datuk Zainal Hussin.

Turut mengiringi Abang Johari dalam lawatan itu, Menteri Muda Perumahan Datuk Francis Hardin Hollis dan Abdul Karim Rahman Hamzah, Pengerusi Perbadanan Kemajuan Perumahan (HDC) Datuk Abang Abdul Rauf Abang Zen, Pengerusi Daya Builders Dr Abdul Rahman Junaidi, Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan Wanliz Ozman, Setiausaha Tetap Pelancongan Datu Ik Pahon Joyik, Ketua Pegawai Esekutif (CEO) HDC Wan Mohd Yusop Wan Moss, CEO Lembaga Pelancongan Sarawak Datuk Rashid Khan dan pegawai kanan kerajaan.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/05/31/abg-johari-tinjau-teknologi-ibs-dalam-pembinaan-rmr-di-melaka/#ixzz3nxrV5JxB>

## Kontraktor baharu Kelas F harus dilatih dengan IBS: Abang Johari

January 15, 2012, Sunday

KUCHING: Kementerian Perumahan menyarankan kontraktor baharu Kelas F khususnya di negeri ini dilatih dengan teknologi terbaru iaitu Sistem Pembinaan Perindustrian (IBS).

Menterinya, Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, ia berikutan daripada pendekatan terbaru Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang menetapkan setiap pembinaan Rumah Mesra Rakyat (RMR) menggunakan IBS. "Bagi kategori kontraktor baharu Kelas F yang ingin mendapat projek daripada kita khasnya RMR, mereka harus dilengkapi dengan teknologi IBS. "Mereka perlu belajar bagaimana untuk memasang komponen binaan rumah sedemikian apabila projek di-berikan kepada mereka kelak... tidak ada lagi kaedah lama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah Projek Pemulihan Terbengkalai Taman Desa Guru yang dihadiri Pengerusi SPNB Datuk Wira Idris Haron di Sama-riang di sini, semalam. Menurut Abang Johari, pendekatan baharu itu bukan sahaja lebih rendah kosnya, tetapi juga amat efisien, mengikut spesifikasi dan kawalan kualiti.

Kontraktor Kelas F, kata beliau, yang bertindak sebagai pemasang dalam setiap pembinaan perumahan perlu diberi latihan IBS dengan pembekal binaan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). "Seperti yang kita sedia maklum, Perdana Menteri dalam bajet ter-baru mengumumkan bahawa terdapat 10,000 unit RMR yang akan dibina seluruh negara. "Sebahagian daripadanya adalah untuk Sarawak. Mungkin lebih kurang 1,000 unit untuk dibangunkan, tetapi kesemuanya akan menggunakan teknologi baharu IBS," tegas beliau.

Sehubungan itu, kata Abang Johari, beliau menyarankan kepada pihak kontraktor Kelas F supaya peka dengan teknologi berkenaan dan mengubah minda dan cara lama mereka. "Maka itu saya

menyarankan kepada Kelas F kita agar belajar bagaimana hendak memasang IBS bagi RMR dan mereka perlu menyusun produk IBS mengikut spesifikasi yang dibuat SPNB,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/01/15/kontraktor-baharu-kelas-f-harus-dilatih-dengan-ibs-abang-johari/#ixzz3nxSLNpYY>

### **Pelan tindakan 2011-2015 IBS untuk tarik sektor swasta guna kandungan IBS**

April 20, 2011, Wednesday

KUALA LUMPUR: Pelan tindakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) Kerajaan antara 2011 dan 2015 menetapkan sasaran untuk meningkatkan kandungan IBS sedia ada kepada 50 peratus di kalangan sektor swasta di Malaysia. Sehingga ini, penggunaan kandungan IBS oleh sektor swasta kurang daripada 10 peratus. Pelan tindakan itu juga bertujuan mengekalkan momentum penggunaan 70 peratus kandungan IBS untuk sektor swasta pada masa ini.

“Terdapat banyak projek dalam negara yang memperlihatkan perhubungan strategik antara sektor awam dan swasta seperti Greater KL, Transit Aliran Berkapasiti Tinggi, perumahan kos rendah, pembangunan Sungai Buloh, Iskandar Malaysia, kemudahan asas di kawasan luar bandar seperti Sabah dan Sarawak dan Taman Samalajutrial di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE),” kata Pengerusi Eksekutif GSSB Consulting Sdn Bhd Datuk Khairil Anuar Aziz. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/04/20/pelan-tindakan-2011-2015-ibs-untuk-tarik-sektor-swasta-guna-kandungan-ibs/#ixzz3nxSPvDYE>

### **Bahan komposit MyWall bakal bawa perubahan dalam industri pembinaan**

December 11, 2012, Tuesday

KUCHING: Bahan komposit yang digunakan oleh syarikat pembinaan di Malaysia, Whynndham Homes bakal membawa perubahan dalam industri pembinaan dan perumahan tempatan.

Perkara ini telah disahkan oleh Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB) Datuk Seri Dr Judin Abdul Karim yang menyarankan bahawa bahan komposit itu adalah sesuatu yang akan digunakan dalam industri pembinaan.

“Bahan komposit ini akan menjadi bahan yang akan digunakan dalam industri pembinaan tidak lama lagi. Malah, bahan komposit ini juga digunakan dalam aplikasi teknologi tinggi seperti bot dan pesawat.

“Saya fikir ia adalah satu bahan yang sangat menarik. Tidak banyak syarikat yang menggunakan bahan ini tetapi terdapat banyak jenis komposit dan saya pasti bahan ini adalah sesuatu yang menarik dan sangat ringan,” kata Dr Judin sebagai tindak balas kepada Wyndham Homes yang dilesenkan sebagai pembina IBS terbaru oleh CIDB, baru-baru ini.

Wyndham Homes telah tampil dengan bahan buatan sendiri yang dikenali sebagai MyWall, salah satu ciri utama yang digunakan dalam pembinaan rumah. Penghasilan MyWall tercetus daripada Deutsche Komposit yang juga adalah rakan kongsi dengan Wyndham Homes yang telah menyatakan bahawa mereka mampu mendirikan rumah dalam tempoh seminggu.

Dr Judin berkata bahawa jika mereka boleh membina bangunan tanpa menggunakan bahan tradisional maka mereka boleh melakukan lebih cepat, bersih dan mempunyai hasil produk yang lebih baik. "Saya pasti kita akan mengalu-alukan bahan komposit baharu ini, kerana ramai orang tidak tahu tentangnya lagi.

"CIDB sedang agresif membuat pertukaran status daripada industri pembinaan menjadi IBS (sistem bangunan perindustrian) juga Wyndham Homes menjadi pembina terbaru IBS di Malaysia," katanya. Merujuk kepada bahan komposit MyWall, Dr Judin berkata: "Ia menggunakan teknologi hijau kerana kita menyelamatkan hutan yang kini menyediakan kayu digunakan dalam kaedah pembinaan tradisional."

Beliau menarik perhatian, jika kita melihat tenaga yang digunakan dalam membuat produk ini berbanding dengan jumlah tenaga yang digunakan dalam menghasilkan konkrit dan jumlah buruh yang diperlukan untuk meletakkan bangunan terdapat banyak yang boleh dijimatkan. "Antara produk-produk ini, bahan-bahanya juga boleh dikitar semula," katanya.

MyWall dijangka mampu menetapkan kadar untuk satu konsep radikal perumahan baharu yang terpantas di dunia dan penjimatan tenaga bahan binaan komposit berdasarkan polimer bertetulang gentian. Dalam pada itu, MyWall terdiri daripada panel yang menggabungkan juzuk khas dan teknik pengeluaran menggunakan PIR (polyisocyanurate) sebagai bahan teras untuk produk tersebut.

Ini kerana bahan yang boleh digunakan untuk membina rumah tanpa simen, keluli dan batu bata juga boleh digunakan dalam aplikasi industri, sistem pengapungan dan pembinaan tempat bencana.

Dari segi ketahanan dan penerimaan produk ini, Dr Judin berkata bahawa pembeli rumah memerlukan beberapa jenis jaminan sebelum mereka dapat membelinya kerana rupa dan bentuknya adalah penting.

"Jika kita mempunyai bahan komposit, sebenarnya kita boleh menjimatkan tenaga. Bangunan yang dibangunkan dengan bahan komposit sebenarnya boleh diistilahkan sebagai 'bebas' daripada masa ia dibina kerana memberi penjimatan tenaga.

Beliau berkata bahawa orang tidak sedar bahawa terdapat juga pembaziran dalam kos menggunakan sebuah bangunan yang boleh menjadi lebih daripada bangunan itu sendiri. "Elektrik kita pada masa ini adalah murah kerana ia subsidi dan kerajaan sedang beralih daripada subsidi kerana ia boleh menyebabkan gangguan. "Malah, pada masa ini tenaga yang mengalir dan orang tidak sedar bahawa dengan bangunan yang tinggi, kos tenaga semakin meningkat kerana penghawa dingin yang menghasilkan pelepasan karbon dan itu tidak baik untuk semua. "Sebuah bangunan hijau bukan sahaja dengan bahan yang digunakan tetapi ia harus menjadi hijau apabila ia sedang digunakan," katanya.

Dr Judin berkata bahan komposit tidak semestinya bermakna hanya perlu digunakan untuk membina rumah mampu milik. Jika bahan ini boleh digunakan dalam bangunan kapal layar, maka tidak ada

sebab mengapa ia tidak boleh digunakan dalam pembinaan rumah-rumah mewah. "Ia juga adalah baik untuk vila mewah. Justeru, kita sedar bahawa bahan ini sebenarnya sangat baik dan boleh digunakan untuk apa-apa jenis bangunan dan yang penting ia adalah kalis api," katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/12/11/bahan-komposit-mywall-bakal-bawa-perubahan-dalam-industri-pembinaan/#ixzz3nxskHVo0>

## PPR baru guna teknologi Sistem Binaan Berindustri

July 14, 2013, Sunday

KUALA BESUT: Semua Projek Perumahan Rakyat (PPR) baru di seluruh negara pada masa depan akan menggunakan teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang lebih menjimatkan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahalan berkata, teknologi IBS iaitu IRIS KOTO dari Jepun itu bukan sahaja jimat dari segi masa dan kos, malah lebih berkualiti. Beliau berkata, pembinaan seunit rumah PPR melalui teknologi IBS berharga antara RM100,000 hingga RM120,000 berbanding tanpa IBS iaitu sekitar RM150,000 hingga RM160,000, bergantung pada lokasi.

"Pembinaan rumah PPR kini menjangkau 80,000 unit. Selepas ini, kita akan mengguna pakai kaedah ini bagi memenuhi sasaran pembinaan 200,000 unit rumah setahun, sebagaimana dijanjikan dalam manifesto Barisan Nasional (BN)," katanya.

Abdul Rahman berkata demikian kepada pemberita selepas melawat tapak rumah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) untuk sebuah keluarga mangsa kebakaran yang akan dibina Jabatan Bomba dan Penyelamat Terengganu menggunakan teknologi IBS, di Kampung Pok Kolok, Kampung Nail di sini semalam.

IBS, yang juga dikenali sebagai 'pembinaan pemasangan menyeluruh' berikut komponen binaan dibuat di kilang atau di tapak projek, sebelum diangkut dan dipasang menjadi struktur bangunan yang lebih sistematis.

Abdul Rahman berkata teknologi ini, mendatangkan banyak faedah antara pengurangan pekerja, kurang pembaziran bahan binaan, alam sekitar dan tapak binaan lebih bersih serta tapak pembinaan lebih teratur.

"Apabila kos dikurangkan, peruntukan kementerian dapat digunakan untuk membina lebih banyak unit rumah untuk rakyat," katanya. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/07/14/ppr-baharu-guna-teknologi-sistem-binaan-berindustri/#ixzz3nxt520g8>

## Cukai 15 peratus tidak jejas industri perumahan

October 2, 2012, Tuesday

PUTRAJAYA: Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) sebanyak 15 peratus yang dikenakan ke atas pelupusan harta tanah yang dibuat dalam tempoh tidak melebihi dua tahun dari tarikh perolehan, tidak menjelaskan industri perumahan. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung berkata sebaliknya, langkah itu dapat menyekat pihak tertentu yang gemar membuat spekulasi harta tanah, daripada memasuki pasaran.

“Kalau sebelum ini cukai yang dikenakan ialah 10 peratus, kenaikan sebanyak lima peratus tidak begitu tinggi untuk mereka yang benar-benar hendak membeli rumah, ia tidak menjadi masalah. “Cuma pihak yang suka membuat aktiviti spekulasi harta tanah, mereka akan lebih berhati-hati kerana selepas ini jika beli harta tanah, kemudian jual dalam tempoh terdekat untuk dapat keuntungan perlu bayar 15 peratus cukai,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Dalam pembentangan Belanjawan 2013 Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan CKHT ke atas keuntungan pelupusan harta tanah yang dibuat dalam tempoh tidak melebihi dua tahun daripada tarikh perolehan harta adalah pada kadar 15 peratus. Pelupusan harta tanah dalam tempoh dua hingga lima tahun pula dikenakan cukai pada kadar 10 peratus sementara harta tanah yang dilupuskan selepas tempoh lima tahun CKHT tidak dikenakan. Langkah itu diperkenalkan kerajaan selepas membuat kajian untuk memastikan industri perumahan tidak akan terjejas, katanya.

Sementara itu, Chor berkata sekurang-kurangnya setiap negeri akan menikmati satu projek di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) menerusi peruntukan sejumlah RM543 juta yang disediakan dalam Belanjawan itu. “Ada juga negeri yang akan menikmati lebih projek PPR kerana ia berdasarkan kepada masalah kepadatan penduduk dan di negeri yang masih ramai memerlukan rumah di bawah projek itu,” katanya.

Peruntukan RM543 akan disediakan bagi Jabatan Perumahan Negara melaksanakan 45 projek PPR melibatkan 20,454 unit rumah yang akan disediakan menggunakan kaedah Industrialised Building System. Kesemua unit kediaman itu akan dijual antara RM30,000 hingga RM40,000 seunit berbanding harga pasaran sekitar RM120 ribu seunit, 20 peratus daripada keseluruhan unit rumah PPR kepada penjawat awam dan sebahagian kepada orang kurang upaya (OKU). — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/10/02/cukai-15-peratus-tidak-jejas-industri-perumahan/#ixzz3nz9VZvoh>

## Struktur pertahanan negara dikaji

September 29, 2013, Sunday

Tangani ancaman luaran dan dalaman secara serentak: Hishammuddin

TAWAU: Kementerian Pertahanan akan menjalankan kajian menyeluruh berkaitan struktur pertahanan negara berdasarkan keperluan semasa bagi menangani ancaman luaran dan dalaman secara serentak.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata Kementerian Pertahanan akan memberi keutamaan kepada pembinaan keupayaan pertahanan marin yang merupakan benteng hadapan bagi mengekang sebarang unsur ancaman. "Bagi saya, soal keselamatan negara tidak boleh dikompromi. Ini kerana jika sektor keselamatan terjejas seperti yang berlaku di Lahad Datu, ia akan menjelaskan sektor lain seperti perladangan, pelancongan, pengeluaran, pendidikan dan pentadbiran.

"Apa yang kita lalui di Lahad Datu dan Semporna merupakan satu 'panggilan kejut' yang kita tidak boleh ambil mudah. Walaupun keadaan dah kembali pulih seperti biasa, namun dalam konteks Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan Zon Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSZONE) yang melibatkan 10 daerah, ia mesti dipersiapkan dan kita pastikan ia berkekalan.

"Ancaman daripada mereka di luar dan dalam dunia tanpa sempadan ini merupakan satu ancaman yang boleh berlaku pada bila-bila masa," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Kempen Keselamatan Negara dan Kesejahteraan Rakyat di sini semalam.

Hishammuddin berkata penstrukturuan semula itu ialah bagi memastikan anggota keselamatan yang bakal ditempatkan di Sabah benar-benar dilengkapi perkakas sesuai dengan lanskap terpaksa dilalui. Beliau berkata di bawah penstrukturuan ini, inisiatif awal ialah pemerkasaan ESSCOM membabitkan penyusunan semula Divisyen/Briged Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan sebahagian kekuatan divisyen, briged dan PGA di Semenanjung dipindah ke ESSZONE.

Katanya, jika pandangan Perisikan Tentera dan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia menunjukkan ancaman semasa di Semenanjung di tahap rendah, maka pemindahan sebahagian kekuatan ke ESSZONE akan menjimatkan kewangan kerajaan dalam tempoh sederhana dan panjang. Hishammuddin berkata kekuatan keanggotaan sedia ada juga perlu dioptimum dengan mempertingkat penggunaan teknologi senjata dan pemantauan canggih selain meningkatkan kemahiran serta pengetahuan anggota keselamatan.

Beliau turut mencadangkan agar kaedah dan konsep pembinaan kem baharu seperti Industrialised Building System (IBS) diperkenal kerana lebih praktikal selain menjimatkan perbelanjaan dan masa. "Pihak ESSCOM juga wajar membina jaringan pertahanan berlapis. Lapisan luaran membabitkan aspek perisikan dan analisis geo strategik.

"Kedua memastikan ruang maritim dan pesisir pantai dimantapkan secara komprehensif dan ketiga membina jaringan kerjasama dengan pasukan keselamatan iaitu PDRM bagi memastikan aspek keselamatan dalaman Sabah," katanya. Mengulas tempoh kajian itu, Hishammuddin berkata perkara

berkenaan sedang berjalan dan laporannya akan diserah dan diumum Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Pengerusi Majlis Keselamatan Negara. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/09/29/struktur-pertahanan-negara-dikaji/#ixzz3nz9h46Fl>